



FUEL CHAMPS!

MyDebit Je with your ATM card

1 AUG - 31 OCT 2021
"For fuel purchases only"



GRAND PRIZE

1x Proton X50 1.5T Executive & International football Jersey

1ST PRIZES

2x Yamaha MT-25 Sport Motor & International football Jersey

Spend a minimum of RM5 on fuel in a single receipt and stand a chance to win your share of prizes worth more than RM230,000*.

2ND PRIZES



3x Samsung 65" QLED TV & International football Jersey

CONSOLATION PRIZES



10x 46,200 Petron Miles Points worth RM700 & International football Jersey

MONTHLY PRIZES

1st Prizes: 3x Exclusive Autographed International Football Jerseys

2nd Prizes: 3x 33,000 Petron Miles Points worth RM500




SPECIAL PRIZES

6 winners** stand a chance to win a virtual meet-up with Jerzy Dudek



HOW TO WIN

Step 1



Spend a minimum of RM5 on fuel with your MyDebit ATM card at outdoor payment terminal only.



Step 2



OR



Take a photo of your fuel receipt and send via WhatsApp (019 388 6733) or via Whoop app.



Download Whoop

*Total prizes during the campaign period. Picture of prizes shown are for illustration purposes only and may vary from the actual items.

**Special Prizes winners will be selected from the eligible main and monthly prizes winners.

Terms and Conditions (T&Cs) apply. Please read the T&Cs carefully before you enter this contest. By entering the contest you are deemed to have accepted the T&Cs and agreed to adhere to it. Full set of T&Cs can be viewed at www.petronmiles.com.my

Follow Petron Malaysia at



www.petronmiles.com.my

Better Value. Better Rewards. Better Privileges.



Fuel Happy



TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. **"Fuel Champs! MyDebit Je dengan Kad ATM anda!" ["Peraduan"]** dianjurkan bersama oleh Petron Fuel International Sdn Bhd (No. Syarikat: 196101000489(4527-V)) **["Petron"]** dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) **["PayNet"]** (Petron dan PayNet dirujuk secara kolektif sebagai **"Pihak Penganjur"**).
2. Peraduan ini terbuka kepada semua pemegang kad Mesin Juruwang Automatik **["ATM"]** MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan MyDebit di Malaysia. Pemegang kad ATM MyDebit tersebut mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan merupakan warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang mempunyai dokumen/kad pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan **["Peserta"]**.
3. Peserta juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan yang aktif, tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, sepanjang Tempoh Peraduan sehingga penebusan hadiah.
4. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
 - Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau agensi promosi Peraduan bagi Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

Tempoh Peraduan & Kriteria Kelayakan

1. Peraduan ini akan berlangsung dari **1 Ogos 2021 sehingga 31 Oktober 2021 jam 11:59 malam** (Waktu Malaysia) **["Tempoh Peraduan"]** dan mengikut Tempoh Peraduan Bulanan yang diagihkan dalam Tempoh Peraduan seperti yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini. Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.
2. Perhatian: Hanya penyertaan/resit transaksi yang menggunakan kad ATM MyDebit akan dikira sebagai penyertaan yang layak dan diserahkan mengikut **Tempoh Peraduan Bulanan** seperti dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan Bulanan adalah tidak sah dan akan dibatalkan. Sebagai contoh, slip transaksi bertarikh 1 Ogos 2021 (Bulan 1 di dalam Tempoh Peraduan Bulanan) mestilah di hantar pada atau sebelum 31 Ogos 2021. Slip transaksi tersebut tidak layak untuk penyertaan Tempoh Peraduan Bulanan yang seterusnya **["Tempoh Peraduan Bulanan"]**.

- **Pemenang Hadiah Bulanan (3 bulan) ["Tempoh Peraduan Bulanan"]**
 - **Bulan 1: 1 Ogos – 31 Ogos 2021**
 - **Bulan 2: 1 September – 30 September 2021**
 - **Bulan 3: 1 Oktober – 31 Oktober 2021**
 - **Peraduan Hadiah Utama/Pertama/Kedua/Saguhati ["Tempoh Peraduan Hadiah Utama"]:**
 - **Tempoh: 1 Ogos – 31 Oktober 2021**
 - **Peraduan Hadiah Istimewa ["Tempoh Peraduan Hadiah Istimewa"]:**
 - **Tempoh: 1 Ogos – 31 Oktober 2021**
3. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Peraduan termasuk Tempoh Peraduan Bulanan atau Tempoh Peraduan dengan pemberian notis.
4. Pembelian minima bernilai RM5 ke atas di semua stesen minyak Petron (untuk pembelian petrol sahaja) dengan menggunakan kad ATM MyDebit sebagai cara pembayaran, dibuat mengikut Tempoh Peraduan yang ditetapkan (dengan slip transaksi yang dicetak dengan jelas) akan layak untuk diambil kira sebagai penyertaan yang sah di dalam Peraduan ini **["Bukti Pembelian"]**. Peserta yang terpilih sebagai pemenang **["Pemenang"]** adalah diwajibkan untuk mengemukakan Bukti Pembelian sebelum penebusan/penyerahan hadiah boleh disempurnakan. Kegagalan membuat sedemikian akan mengakibatkan pembatalan kemenangan hadiah yang dimenangi oleh Peserta tersebut.
5. Peserta perlu menghantar penyertaan mereka melalui aplikasi **WhatsApp** atau melalui aplikasi **Whoop app** (di muat turun melalui Play Store untuk Android / App Store untuk iOS) (**"Mekanisme Peraduan"**).
- **Cara Penyertaan (1): Melalui aplikasi WhatsApp**
 - **Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah** mengandungi maklumat yang berikut:
 - I. Ambil gambar Bukti Pembelian;
 - II. SIMPAN: **BUKTI PEMBELIAN (asal)**;
 - Hantar penyertaan anda melalui aplikasi WhatsApp ke nombor **019 388 6733**
 - Peserta akan mendapat balasan mesej (soalan Peraduan, notis privasi) melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh 48 jam (pada hari bekerja).
 - **Dengan menghantar penyertaan melalui WhatsApp, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.**
 - Perhatian: Setiap pembelian petrol bernilai RM5 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak bagi satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).

- **Cara Penyertaan (2): Melalui aplikasi Whoop app (di muat turun melalui Play Store untuk Android /App Store untuk iOS)**
 - Daftar di Whoop app (pendaftaran untuk kali pertama sahaja)
 - Klik pada sepanduk Peraduan **“Fuel Champs! MyDebit Je dengan Kad ATM anda!”**
 - Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - I. Ambil gambar Bukti Pembelian;
 - II. Jawab soalan Peraduan dan berikan maklumat yang diperlukan;
 - III. SIMPAN: **BUKTI PEMBELIAN (asal)**;
 - Peserta akan mendapat balasan penerimaan mesej Peraduan dengan serta merta.
 - Dengan menghantar penyertaan melalui Whoop! app, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.
 - Perhatian: Setiap pembelian petrol bernilai RM5 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan SATU (1) nombor siri secara rawak bagi satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).
- 6. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan. Setiap SATU (1) slip transaksi (dengan pembayaran RM5 dan ke atas menggunakan transaksi kad ATM MyDebit) layak untuk SATU (1) penyertaan sahaja dan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peraduan akan dibatalkan jika slip transaksi yang sama digunakan lebih dari SATU (1) kali.
- 7. Setiap Peserta (jika dipilih sebagai Pemenang) hanya layak untuk memenangi SATU (1) Hadiah Bulanan dan/atau SATU (1) Hadiah Utama dan/atau SATU (1) Hadiah Istimewa sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
- 8. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah dengan hadiah yang sama nilai atas budi bicara tunggal dan mutlaknyanya. Pihak Penganjur, agensi, sekutunya, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana Hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.
- 9. Peserta dikehendaki mengemukakan bukti pengenalan (kad pengenalan Malaysia atau pasport) semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan Peserta/Pemenang. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.

10. Pemenang akan dipilih berdasarkan proses berikut.
- Pemilihan Pemenang Peraduan Hadiah Bulanan: Pada akhir Tempoh Peraduan Hadiah Bulanan, Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah penyertaan bulanan (yang diperolehi mengikut bulan dalam Tempoh Perduan Hadiah Bulanan) [**“Peserta yang Terpilih HB”**].
 - Pemilihan Pemenang Peraduan Hadiah Utama: Pada akhir Tempoh Peraduan Hadiah Utama, Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah Penyertaan (keseluruhan) yang diperolehi dalam Tempoh Peraduan [**“Peserta yang Terpilih HU”**].
 - Pemilihan Pemenang Peraduan Hadiah Istimewa: Pada akhir Tempoh Peraduan Hadiah Istimewa, Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah tiga puluh empat (34) Pemenang Hadiah Utama dan/atau Hadiah Bulanan Penyertaan yang diperolehi dalam Tempoh Peraduan [**“Peserta yang Terpilih HI”**].

Hadiah & Penebusan

- **Hadiah Peraduan Bulanan (jumlah keseluruhan 18 pemenang untuk keseluruhan Tempoh Peraduan):**
 - Hadiah Pertama: Jersi Pasukan Bola Sepak Antarabangsa yang ditandatangani seorang x 3 pemenang
 - Hadiah Kedua: 33,000 Mata Ganjaran Petron miles bernilai RM500 seorang x 3 pemenang
- **Hadiah Utama/Pertama/Kedua/Saguhati peraduan (jumlah keseluruhan 16 hadiah untuk keseluruhan Tempoh Peraduan):**
 - Hadiah Utama: Proton X50 1.5T Eksekutif dan Jersi Pasukan Bola Sepak Antarabangsa Peribadi (tidak termasuk insuran/takaful, fi pendaftaran dan cukai jalan) x 1 pemenang
 - Hadiah Pertama: Yamaha MT-25 Sport Motor dan Jersi Pasukan Bola Sepak Antarabangsa Peribadi (tidak termasuk insuran/takaful, fi pendaftaran dan cukai jalan) x 2 pemenang
 - Hadiah Kedua: Samsung 65" QLED TV dan Jersi Pasukan Bola Sepak Antarabangsa Peribadi x 3 pemenang
 - Hadiah Ketiga: 46,200 Mata Ganjaran Petron Miles bernilai RM700 dan Jersi Pasukan Bola Sepak Antarabangsa Peribadi x 10 pemenang
- **Hadiah Istimewa (jumlah keseluruhan 6 hadiah untuk keseluruhan Tempoh Peraduan):**
 - 6 pemenang bertuah dari 34 pemenang berpeluang memenangi perjumpaan secara maya dengan pemain bola sepak selebriti (Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Penganjur akan mengatur perjumpaan secara maya melalui mana-mana platform video dalam talian yang tersedia dan akan memaklumkan kepada Pemenang mengenai pengaturan tersebut sebelum tarikh perjumpaan secara maya. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan tiada pampasan akan diberikan berkenaan jika Pemenang mengalami sebarang masalah atau

kerugian semasa atau sebelum perjumpaan secara maya tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah perhubungan internet.

- Sejumlah empat puluh (40) hadiah untuk dimenangi.
 - Segala imej gambar hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, promosi publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan Hadiah sebenar.
1. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian and kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh Pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
 2. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada hadiah semasa proses penebusan.
 3. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh/menukar tempat bagi menuntut Hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan hadiah pada tarikh dan tempat yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
 4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan penebusan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
 5. Penyempurnaan hadiah adalah bergantung kepada ketersediaan hadiah. Penganjur akan memaklumkan kepada Pemenang yang dipilih dari semasa ke semasa.
 6. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai Pemenang dan hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan daripada Peserta tidak akan dilayan.
 7. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta yang Terpilih (HB/HU/HI) melalui maklumat yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.

8. Selepas tamat Tempoh Peraduan, sekiranya Peserta yang Terpilih (HB/HU/HI) tidak dapat dihubungi selepas TIGA kali percubaan setiap hari selama tiga hari berturut-turut ((pada hari dan waktu bekerja, Isnin – Jumaat) atau gagal untuk menjawab soalan dengan tepat, Penganjur mempunyai hak melucutkan kelayakan Peserta yang Terpilih tersebut (HB/HU/HI) dan Penganjur berhak untuk menghubungi Peserta yang dipilih daripada cabutan rawak yang seterusnya dan mengisytiharkan Peserta yang terpilih tersebut sebagai pemenang mengikut budi bicara mutlak Pihak Penganjur.
9. Semua Pemenang mesti menuntut Hadiah pada tarikh yang ditentukan Pihak Penganjur atau dalam tempoh **DUA (2)** bulan selepas dihubungi oleh Pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya Pemenang (untuk Hadiah Bulanan /Hadiah Utama/Hadiah Pertama/Kedua/Saguhati/ Hadiah Istimewa) gagal untuk menuntut Hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah untuk menebus/menerima hadiah mereka.
10. Sekiranya Pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, wakil Pemenang hendaklah mengemukakan surat wakil kebenaran yang dikeluarkan oleh Pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri Pemenang dan juga dokumen pengenalan diri untuk wakil Pemenang yang sah.

Hak Pihak Penganjur

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran pampasan kepada Pemenang/Peserta. Pemenang/ Peserta tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.
2. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya.
3. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai atau menggantung Peraduan ini.

4. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakny, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.
5. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakny dengan pemberian notis.
6. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang www.petronmiles.com.my atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
7. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di www.petronmiles.com.my akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang percanggahan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
8. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
9. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan Hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini.
10. Pihak Penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atau sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

1. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan Pihak Penganjur dan agensinya

daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.

2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.
3. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.
4. Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan Peserta kami untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Perlindungan Data

1. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen Pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.
3. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan

Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;

- b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
4. Sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman sesawang Pihak Penganjur di <https://www.petronmiles.com.my/> atau menghubungi talian pelanggan Penganjur di +603 7802 8928 dari Isnin – Jumaat, 9:00 pagi – 5:00 petang.
 5. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data daripada pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
 6. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]